

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
(B) [LUMUT]**

SOALAN :

YB Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan reaksi serta tindakan Kerajaan menangani Tun Mahathir yang dilihat semakin agresif dalam menyerang Kerajaan dan menghasut rakyat dan dikhuatiri boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam negara.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, fokus utama Kerajaan adalah untuk meneruskan agenda transformasi negara dan melaksanakan segala dasar yang telah direncana, demi kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya. Justeru, adalah diharapkan agar semua pihak, dapat memberikan sokongan untuk turut serta bersama-sama Kerajaan, dalam memastikan negara ini terus aman, makmur dan sentosa.

Sekian. Terima kasih.